

TARIKH	18 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	SETEMPAT

Kumpul wang hasil sayur selama 10 tahun

KOTA BHARU: "Usaha saya selama ini tidak sia-sia. Saya mengumpul wang hasil menanam sayur sejak 10 tahun lalu dan mendaftar di Tabung Haji pada 2008.

"Syukur akhirnya saya mampu ke Makkah menunaikan Rukun Islam kelima," kata bakal jemaah haji, Che Muhamad Deraman, 69, dari Jeli.

Menurutnya, dia hanya menjual sayur di pasar dan kadangkala jiran datang



CHE MUHAMAD...syukur

membeli terus dari kebun yang diusahakan dengan harga murah. Dia tidak pernah berputus asa dan bekerja lebih keras untuk mengumpul wang ke Makkah.

"Anak juga banyak membantu memberikan wang serta barang keperluan dan saya bersyukur kerana mempunyai anak yang prihatin terhadap ibu bapa," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini, semalam.